

Memahami Sunah Secara Sahih


Kesedaran beramal dengan sunah semakin berkembang dan diterima baik dalam kalangan masyarakat. Kemunculan seruan dan propaganda “kembali kepada sunah” menyebabkan masyarakat kini amat mementingkan sesuatu amalan mahupun pemahaman yang bertepatan dengan sunah.

Dalam hal ini, tidak dinafikan bahawa seruan kembali kepada sunah sangat baik dan perlu disahut. Akan tetapi, dalam sesetengah keadaan, seruan ini disalahertikan sehingga membawa pemahaman yang salah. Kembali kepada sunah tanpa pemahaman yang betul boleh mengakibatkan kejumudan yang pada akhirnya membawa kepada perselisihan dan perpecahan.

Pengenalan Sunah

Bagi memahami sunah Nabi Muhammad SAW secara sah, kita perlu menyelami terlebih dahulu pengertian sunah. Sunah nabi juga disebut sebagai hadis nabi. Maka itu, sunah atau hadis ialah setiap perkara yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW, yang berupa ucapan, perbuatan, perlakuan, sifat fizikal dan juga akhlak Baginda. Maka itu, setiap perkara yang berkaitan dengan Nabi Muhammad SAW dari segi perbuatan mahupun tingkah laku, sifat fizikal dan keperibadian Baginda merupakan sunah.

Terdapat beberapa ayat al-Quran yang memerintahkan kita supaya mengikuti setiap perkara yang diperintahkan oleh Nabi Muhammad SAW. Antaranya termasuklah firman Allah SWT dalam





Surah al-Hashr ayat 7 yang bermaksud, “Apa-apa juga perintah yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kamu, maka terimalah serta amalkan, dan apa-apa juga yang dilarang kamu melakukannya, maka patuhilah larangan-Nya.” Begitu juga firman Allah SWT dalam Surah Ali ‘Imran ayat 31 yang bermaksud, “Katakanlah (wahai Muhammad): ‘Jika benar kamu mengasihi Allah, maka ikutilah aku.’”

Walau bagaimanapun, dalam konteks yang lain, masih banyak yang keliru antara penggunaan kata sunah dengan hukum sunat. Walaupun istilah tersebut hampir sama sebutannya, namun pada hakikatnya kedua-duanya merupakan perkara yang berbeza. Sunah ialah setiap perkara yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW, manakala



Tidak semua sunah wajib atau sunat untuk diikuti dan diamalkan, bahkan terdapat sunah yang haram untuk kita amalkan.

sunat pula merupakan satu daripada hukum *taklifi* yang lima. Hukum *taklifi* seperti yang diterangkan oleh Abdul Karim Zaidan ialah setiap perkara yang dituntut kepada seseorang untuk melakukan atau meninggalkan atau memilih untuk melakukannya atau meninggalkannya. Sebagaimana yang dinyatakan, hukum *taklifi* ada lima, iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Sunat merupakan hukum yang telah ditetapkan oleh syarak untuk melakukannya, tetapi tidak secara wajib. Melakukan perkara sunat akan mendapat pahala dan meninggalkannya tidak menjadi suatu kesalahan.

Jadual Perbezaan antara Sunah dengan Sunat

Sunah	Sunat
Setiap perkara yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW, yang berupa ucapan, perbuatan, perlakuan, sifat fizikal dan juga akhlak Baginda.	Hukum yang ditetapkan oleh syarak untuk melakukannya, tetapi tidak secara wajib. Melakukan perkara sunat akan mendapat pahala dan meninggalkannya tidak menjadi suatu kesalahan.

Umum mengetahui bahawa sunah atau hadis merupakan sumber kedua selepas al-Quran. Walaupun hadis dikategorikan sebagai sumber kedua, tidak bermakna kita mendahulukan al-Quran berbanding dengan hadis, bahkan kedua-duanya saling melengkapi untuk difahami. Disebabkan sunah merupakan sumber syariat Islam, maka hukum untuk kita mengikut sesuatu sunah akan kembali kepada hukum *taklifi* yang lima seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Tidak semua sunah wajib atau sunat untuk diikuti dan diamalkan, bahkan terdapat sunah yang haram untuk

kita amalkan. Sebagai contoh, Nabi Muhammad SAW memperisterikan lebih daripada empat orang isteri dalam satu-satu masa. Akan tetapi, sunah Baginda memperisterikan lebih daripada empat orang isteri merupakan perkara *khususiyat*, iaitu perkara yang dikhususkan kepada Baginda sahaja. Maka itu, sunah sebegini haram untuk kita ikuti dan amalkan walaupun datang daripada Nabi Muhammad SAW.


Selain itu, terdapat perbezaan antara sunah yang harus diikuti dengan sunah yang sunat diikuti. Sunah yang harus diikuti hanya sekadar menerangkan Nabi Muhammad SAW pernah melakukan perkara sedemikian tanpa syarak menuntut untuk melakukannya seperti cara Baginda makan, minum dan berjalan. Sunah yang sunat diikuti pula adalah apabila syarak menuntut untuk melakukannya seperti bersugi.

Tidak Semua Hadis Sahih Boleh Diamalkan

Sebelum beramal dengan sesuatu hadis, perkara penting yang perlu dipastikan adalah sama ada riwayat hadis tersebut diterima ataupun tidak untuk diamalkan. Disebabkan hal itulah munculnya ilmu hadis yang berkaitan dengan penetapan status sesuatu hadis sama ada sahih, hasan, daif ataupun *maudu'*. Pemerhatian terhadap status sesuatu hadis bukan sahaja diberikan perhatian oleh para cendekiawan hadis, bahkan masyarakat kini juga sudah mula mempunyai kesedaran untuk memastikan status sesuatu hadis sebelum mereka mengamalkannya. Namun begitu, masih berlaku salah faham dalam kalangan masyarakat bahawa hanya hadis sahih atau hasan yang boleh diamalkan.

Dalam hal ini, perlu difahami bahawa terdapat sebilangan hadis sahih mahupun hasan yang inti patinya tidak boleh diamalkan. Perkara ini seperti yang diungkapkan oleh Ibn Hajar al-Asqalani dalam kitab beliau yang bertajuk *Nuzhah al-Nazar*, iaitu "Kemudian hadis *maqbul* (sahih dan hasan) juga terbahagi kepada yang diamalkan dan tidak diamalkan." Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat sebilangan hadis sahih yang telah dihukumkan oleh para imam hadis, tetapi hukum amalan berkaitan dengan hadis tersebut telah dimansuhkan (mansukh). Perkara ini menyebabkan hadis tersebut walaupun sahih pada periwayatannya, tetapi tidak boleh diamalkan.

Al-Suyuti dalam kitab *Tadrib al-Rawi* pula menukilkan pandangan al-Iraqi, iaitu "Bahawa jika yang dimaksudkan *mansukh* itu ialah 'illah (kecacatan) untuk beramal dengan hadis, maka ia adalah benar.



Sunah merupakan sumber hukum kedua selepas al-Quran.


Jika dimaksudkan sebagai 'illah pada kesahihan hadis, maka ia tidak benar sama sekali. Hal ini kerana pada hadis sahih terdapat hadis yang dimansuhkan."

Maka itu, terdapat dua perkara yang menyebabkan sesuatu hadis sahih dan hadis hasan tidak boleh diikuti. Pertama, kerana terdapat sebilangan hadis sahih mahupun hasan pada riwayatnya, tetapi hukumnya dimansuhkan. Kedua, tidak semua sunah atau perbuatan Baginda harus untuk diikuti kerana hal tersebut khusus kepada Nabi Muhammad SAW.

Keharusan Beramal dengan Hadis Daif

Hadis daif ialah hadis yang tidak menepati syarat hadis *maqbul* (sahih dan hasan). Hadis daif terbahagi kepada beberapa bahagian kerana berbeza-beza dari sudut sebab berlakunya daif. Akan tetapi, pembahagian hadis daif dapat disimpulkan kepada dua bahagian, iaitu daif yang ringan (*yasir*) dan terlalu daif (*syadid al-dha'f*). Walaupun hadis daif tidak setara dengan hadis sahih dan hasan, namun hal ini tidak bermakna hadis tersebut tidak boleh diamalkan.


Jumhur ulama menyatakan bahawa harus untuk beramal dengan hadis daif dengan syarat tertentu. Antara syarat yang ditetapkan oleh para ulama untuk beramal dengan hadis daif termasuklah yang pertama, hadis daif tersebut ialah hadis yang bukan berkaitan dengan hukum-hakam dan akidah. Kedua, hadis daif tersebut mestilah daif *yasir* (ringan) bukan hadis



daif *syadid* (terlalu daif). Ketiga, hadis daif tersebut mempunyai asal daripada dalil yang umum. Keempat, tidak beriktikad bahawa hadis tersebut secara sabit (pasti) ialah hadis Nabi Muhammad SAW.

Banyak ulama dan imam dalam kalangan generasi salaf dan khalaf berpegang pada keharusan beramal dengan hadis daif. Antaranya termasuklah Imam Ahmad bin Hanbal, al-Bukhari, Abu Dawud, Ibn Hajar al-Asqalani, al-Sakhawi dan al-Suyuti. Bukti yang jelas bahawa al-Bukhari menerima hadis daif ialah kitab beliau yang bertajuk *al-Adab al-Mufrad* yang terdiri daripada hadis sahih, hasan dan daif. Begitu juga apabila kita lihat dalam *Sunan al-Tirmidzi*, terdapat beberapa hadis yang dihukumkan sebagai daif, tetapi masih diamalkan oleh sebahagian imam daripada kalangan salaf.

Penerimaan hadis daif bukan sahaja dalam perkara fadilat beramal, tetapi digunakan sebagai dalil untuk menetapkan hukum atas dasar *ihtiyat* (berhati-hati). Hal ini seperti yang disebut oleh al-Nawawi dalam *al-Azkar* bahawa hadis hukum seperti halal dan haram, jual beli, pernikahan dan talak, maka tidak boleh beramal dengannya melainkan dengan hadis sahih atau hasan sahaja, kecuali untuk berhati-hati



dalam perkara yang berkaitan, seperti meriwayatkan hadis daif tentang perkara yang makruh dalam bab jual beli atau pernikahan.

Memahami Hadis Nabi Muhammad SAW

Perkara penting yang perlu difahami adalah bagaimanakah kita dapat menyelami isi kandungan hadis Nabi Muhammad SAW dengan sahih? Caranya adalah dengan menuntut ilmu melalui para ulama dan meneliti setiap kitab syarah hadis seperti *Fath al-Bari*, *Irsyad al-Sari* dan *al-Minhaj Syarh Sahih Muslim*.

Kita dapat melihat para ulama bertungkus-lumus untuk menyediakan syarah hadis sehinggakan pada masa ini terdapat hampir 30 jilid kitab syarah hadis. Betapa pentingnya untuk kita memahami hadis nabi dengan kefahaman yang benar melalui para ulama terdahulu. Hal ini bertepatan dengan hadis yang diriwayatkan daripada Abu Darda' r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Sesungguhnya para ulama itu pewaris para nabi." (Hadis riwayat Ahmad, Abu Dawud dan al-Tirmidzi).

Berdasarkan hadis ini, tiada yang lebih layak untuk berbicara tentang hadis nabi melainkan para ulama kerana mereka golongan yang sangat memahami ilmu syariat sehingga dikatakan pewaris para nabi dalam usaha menyampaikan syariat Islam. Begitu juga jika kita mahu memahami hukum-hukum yang terdapat dalam sesuatu hadis. Walaupun terdapat individu yang mahir dari sudut periwayatan hadis sehingga boleh menentukan status sesuatu hadis sama ada sahih ataupun daif, namun tidak bermakna individu tersebut mahir dengan ilmu *dirayah* hadis.

Jika dilihat kembali dalam sejarah Islam, terdapat segolongan ahli hadis yang mahir ilmu periwayatan hadis, tetapi tidak faqih. Namun begitu, ada juga yang mahir periwayatan hadis dan pada masa sama juga seorang faqih seperti Imam Malik dan Imam Syafii. Oleh sebab itu, munculnya satu lagi ilmu yang dinamakan sebagai usul fiqh yang disusun oleh Imam Syafii untuk memahami hukum-hukum daripada nas al-Quran dan hadis nabi. Oleh itu, untuk memahami sunah dan hadis nabi, perlu juga dilihat dari sudut usul fiqh supaya kita dapat memahami hukum-hukum berkaitan dengan sesuatu hadis. ⑦